



GARIS PANDUAN TEMPOH MEMUKTAMADKAN AKAUN PROJEK PENYELIDIKAN PEMBIAYAAN KERAJAAN

ISI KANDUNGAN

1.0	TUJUAN	2
2.0	PENGENALAN	2
3.0	TAKRIFAN	2
4.0	TERMA	3
5.0	PENGGUNAAN PERUNTUKAN KEWANGAN BAGI PERLAKSANAAN PROJEK	3
6.0	PENULISAN LAPORAN TAMAT PROJEK	4
7.0	PENULISAN LAPORAN KEWANGAN PROJEK	4
8.0	PENGESAHAN LAPORAN TAMAT PROJEK	5
9.0	AKAUN AKHIR PROJEK PENYELIDIKAN	5
10.0	MEMUKTAMADKAN AKAUN PROJEK PENYELIDIKAN.....	6
11.0	LAIN-LAIN HAL	7

1.0 TUJUAN

Tujuan garis panduan ini adalah sebagai tatacara penggunaan peruntukan penyelidikan setelah tamat projek sebelum akaun akhir dimuktamadkan.

2.0 PENGENALAN

- 2.1 Garis panduan ini bertujuan untuk memastikan projek penyelidikan dapat disempurnakan dengan hasil penyelidikan, laporan tamat projek dari penyelidik, pengesahan tamat projek serta akaun akhir dari RMI.
- 2.2 Terdapat banyak kes di mana projek telah ditamatkan, namun hasil penyelidikan masih perlu di keluarkan. Dengan ini perbelanjaan berkaitan hasil penyelidikan perlu dilanjutkan untuk tempoh minima satu (1) tahun.

3.0 TAKRIFAN

- 3.1 **Geran Kerajaan** – Geran yang diperuntukkan dari dana kerajaan Malaysia.
- 3.2 **Ketua Penyelidik** – Kakitangan akademik yang mengetuai projek penyelidikan.
- 3.3 **Projek Tamat** - Status projek yang tamat beserta laporan tamat projek.
- 3.4 **Akaun Aktif** - Status kewangan projek penyelidikan masih aktif sehingga akaun di tutup.
- 3.5 **Akaun Akhir** – Akaun akhir yang ditutup.
- 3.6 **Hasil Penyelidikan (Penerbitan/Paten)** – hasil penyelidikan yang merangkumi laporan akhir projek penyelidikan, prosiding, jurnal serta paten.
- 3.7 **Pemantauan Projek** – Aktiviti pemantauan berkala yang dilaksanakan oleh RMI atau pemiaya geran penyelidikan.
- 3.8 **Kos Pengurusan** – Perbelanjaan yang dipindahkan dari projek penyelidikan ke akaun pengurusan penyelidikan RMI untuk kegunaan RMI.

4.0 TERMA

- 4.1 Garis panduan pembiaya adalah rujukan utama bagi pelaksanaan penggunaan dana penyelidikan.
- 4.2 Garis panduan ini digunapakai bagi projek penyelidikan yang tidak mempunyai tatacara yang jelas dari pembiaya.
- 4.3 Garis panduan ini perlu dibaca bersama garis panduan pembiaya.
- 4.4 Garis panduan ini digunapakai bagi projek-projek penyelidikan terdahulu yang tiada garis panduan dari pembiaya.

5.0 PENGGUNAAN PERUNTUKAN KEWANGAN BAGI PERLAKSANAAN PROJEK

- 5.1 Penggunaan peruntukan kewangan dalam tempoh penyelidikan yang dibenarkan adalah tertakluk kepada garis panduan penggunaan kewangan penyelidikan yang dikeluarkan oleh pembiaya.
- 5.2 Semua rekod (daftar dan kad harta) aset penyelidikan yang dibeli menggunakan peruntukan penyelidikan, dipindahkan dari RMI kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) berkenaan.
- 5.3 Fasa penggunaan peruntukan/dana penyelidikan adalah seperti berikut:
 - a. tempoh asal yang diluluskan
 - b. lanjutan tempoh sehingga enam (6) bulan atau tempoh yang dibenarkan oleh pembiaya
 - c. penulisan laporan tamat projek oleh penyelidik
 - d. penulisan laporan kewangan oleh penyelidik
 - e. pengesahan laporan tamat projek oleh RMI
 - f. akaun akhir projek penyelidikan oleh RMI
 - g. kelulusan khas jawatankuasa penyelidikan RMI

6.0 PENULISAN LAPORAN TAMAT PROJEK

- 6.1 Setelah tamat tempoh pelaksanaan projek (termasuk dengan tempoh lanjutan) yang diluluskan, penyelidik diberi tempoh selama tiga (3) bulan untuk mengemukakan laporan tamat projek.
- 6.2 Dalam tempoh ini penyelidik **dibenarkan** untuk membuat tuntutan termasuk;
 - a. pembelian alat bantuan menyediakan laporan yang bukan merupakan aset
 - b. tuntutan bagi bahan-bahan habis pakai untuk tujuan penyempurnaan penyelidikan serta hasilan
 - c. pembentangan kertas kerja berindeks serta yuran yang berkaitan
 - d. upah kepada pembantu penyelidik bagi kerja-kerja yang berkaitan
 - e. perbelanjaan perjalanan
 - f. perbelanjaan untuk menghadiri program pemantauan
- 6.3 Sebarang pembelian aset adalah tidak dibenarkan.
- 6.4 Penggunaan peruntukan ke luar negara adalah tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan sebelum tamat tempoh projek.

7.0 PENULISAN LAPORAN KEWANGAN PROJEK

- 7.1 Setelah tamat tempoh laporan tamat projek penyelidik diberikan sehingga tiga (3) bulan untuk menyediakan laporan kewangan projek termasuk penyelarasan VOT serta pengurusannya.
- 7.2 Penyelidik dibenarkan untuk mengemukakan sebarang tuntutan bagi pelaksanaan projek termasuk;
 - a. pembelian alat bantuan bagi menyediakan laporan yang bukan merupakan aset
 - b. tuntutan bagi bahan-bahan habis-pakai untuk tujuan penyempurnaan hasilan penyelidikan seperti mempaten dan penerbitan berindeks
 - c. pembentangan kertas kerja berindeks serta yuran yang berkaitan
 - d. upah kepada pembantu penyelidik bagi kerja-kerja yang berkaitan
 - e. perbelanjaan perjalanan yang berkaitan

- f. perbelanjaan untuk menghadiri program pemantauan penyelidikan
- 7.3 Pembelian sebarang aset adalah tidak dibenarkan.
- 7.4 Penggunaan peruntukan ke luar negara adalah tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan sebelum tamat tempoh projek.

8.0 PENGESAHAN LAPORAN TAMAT PROJEK

- 8.1 Tempoh pengesahan laporan tamat projek diperuntukkan untuk menyemak aktiviti serta hasil penyelidikan.
- 8.2 Setelah tamat tempoh laporan kewangan projek, penyelidik boleh dipertimbangkan untuk mengemukakan sebarang tuntutan dalam tempoh 3 bulan untuk aktiviti-aktiviti hasil, pemantauan serta laporan yang telah diluluskan oleh RMI termasuk:
- a. tuntutan bagi bahan-bahan habis-pakai untuk tujuan penyempurnaan hasil penyelidikan seperti penerbitan berindeks dan paten.
 - b. pembentangan kertas kerja berindeks serta yuran yang berkaitan
 - c. upah kepada pembantu penyelidik bagi kerja-kerja berkaitan
 - d. perbelanjaan perjalanan yang berkaitan
 - e. perbelanjaan untuk menghadiri program pemantauan
 - f. penggunaan peruntukan ke luar negara adalah tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan sebelum tamat tempoh projek

9.0 AKAUN AKHIR PROJEK PENYELIDIKAN

- 9.1 Tempoh penyediaan akaun akhir adalah bertujuan untuk menyelaraskan lejar Bendahari UiTM dengan lejar RMI, penggunaan VOT serta penutupan akaun.
- 9.2 Dalam tempoh penyediaan akaun akhir sehingga tiga (3) bulan setelah projek disahkan tamat, penyelidik boleh mengemukakan tuntutan untuk aktiviti-aktiviti hasil, pemantauan serta laporan untuk pertimbangan RMI termasuk:
- a. tuntutan bagi bahan-bahan habis pakai untuk tujuan penyempurnaan hasil penyelidikan seperti penerbitan berindeks dan paten

- b. pembentangan kertas-kerja berindeks serta yuran yang berkaitan
- c. upah kepada pembantu penyelidik bagi kerja-kerja yang berkaitan
- d. perbelanjaan perjalanan yang berkaitan
- e. penggunaan peruntukan ke luar negara adalah tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan sebelum tamat tempoh projek
- f. kos pengurusan yang berkaitan

10.0 MEMUKTAMADKAN AKAUN PROJEK PENYELIDIKAN

RMI akan mengeluarkan notis penutupan akaun kepada penyelidik agar segala tuntutan serta penggunaan kewangan boleh ditutup pada tempoh yang ditetapkan seperti jadual berikut:

Jadual 1: Aktiviti Memuktamadkan Akaun Projek Penyelidikan

Bil	Aktiviti	Tempoh
1	Tamat tempoh penyelidikan	Seperti yang di luluskan
2	Lanjutan tempoh penyelidikan	Sehingga enam (6) bulan tambahan
3	Laporan tamat projek oleh penyelidik	Sehingga tiga (3) bulan selepas tamat tempoh penyelidikan
4	Laporan kewangan penyelidik	Tiga (3) bulan selepas tempoh laporan tamat penyelidikan
5	Pengesahan laporan akhir penyelidik beserta kewangan	Tiga (3) bulan selepas tempoh tamat laporan kewangan penyelidik
6	Penutupan Akaun	Tiga (3) bulan selepas tempoh tamat laporan akhir penyelidik beserta kewangan

Jadual 2: Carta Gantt Aktiviti Memuktamadkan Akaun Penyelidikan

Aktiviti	TEMPOH MEMUKTAMADKAN AKAUN PENYELIDIKAN																	
	6 Bulan						3 Bulan			3 Bulan			3 Bulan					
Lanjutan tempoh penyelidikan	■	■	■	■	■	■												
Laporan tamat projek oleh penyelidik							■	■	■									
Laporan kewangan penyelidik										■	■	■						
Pengesahan laporan akhir penyelidik beserta kewangan													■	■	■			
Penutupan akaun																■	■	■

11.0 LAIN-LAIN HAL

Garis panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan dari masa ke semasa.